

**MELAHIRKAN PENSYARAH CEMERLANG : KAJIAN TERHADAP ELEMEN
KEMAHIRAN YANG PERLU DIMILIKI OLEH PENSYARAH POLITEKNIK
MERLIMAU, MELAKA.**

MOHD RAKIME BIN SHAFFAI
mohdrakime@pmm.edu.my

MOHD HOIRIE BIN ABDUL MANAH
mohdhoirie@pmm.edu.my

AMIRUDIN BIN MOHD SALIM
Amirudin@pmm.edu.my

Jabatan Perdagangan
Politeknik Merlimau, Melaka

ABSTRAK

Seringkali pensyarah merasakan mereka sudah melakukan apa yang sepatutnya dilakukan sebagai seorang pendidik sedangkan ada dari kalangan pensyarah yang tidak mempunyai pendidikan yang formal di dalam ilmu pengajaran dan pembelajaran. Kadangkala juga elemen kemahiran tidak dititikberatkan oleh pensyarah dalam melahirkan pensyarah cemerlang yang mampu memberikan kejayaan kepada seseorang pelajar untuk lebih berjaya di Politeknik. Melalui kajian ini, objektif yang di pilih adalah berkisar kepada elemen kemahiran yang perlu dimiliki oleh pensyarah untuk melahirkan pensyarah yang cemerlang di politeknik. Terdapat beberapa elemen yang telah dikenalpasti iaitu elemen kemahiran pengajaran, elemen kemahiran ICT, elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Seramai 100 orang pensyarah yang dipilih sebagai sampel yang mana pensyarah yang dipilih merangkumi keseluruhan jabatan induk yang ada di Politeknik Merlimau terdiri daripada pensyarah yang telah berkhidmat lebih dari lima tahun dan keatas dan telah pun menerima kenaikan pangkat DH44 melalui kriteria kenaikan pangkat yang telah dinilai. Nilai Alpha Cronbach untuk instrumen borang soal selidik adalah 0.791. Melalui elemen kemahiran pengajaran, untuk melahirkan pensyarah cemerlang, pensyarah perlu bijak dalam menerangkan pengajaran, mengaitkan isu semasa, menggunakan teknik penyelesaian masalah dan menyoal pelajar untuk melihat kefahaman mereka. Manakala bagi elemen kemahiran ICT pula, pensyarah perlu mahir dalam penggunaan LCD, carian internet, mahir dalam penggunaan jaringan sosial dan mahir dalam penggunaan CD untuk tujuan P&P. Bagi kemahiran interpersonal dan intrapersonal pula, pensyarah perlu memahami kebolehan diri sendiri, mampu memotivasikan diri sendiri dan mengetahui kelemahan diri sendiri. Implikasi kajian adalah berguna untuk pensyarah mengamalkan elemen kemahiran tersebut bagi menjadikan mereka lebih cemerlang dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KATA KUNCI : kecemerlangan, elemen kemahiran, pensyarah

1.0 PENGENALAN

Bila berbicara mengenai pendidikan, paling tidak yang akan terlintas di fikiran kita adalah kakitangan dan akademiknya iaitu pensyarah. Elemen yang paling penting dalam pendidikan yang perlu diberi perhatian adalah pensyarah kerana pengaruhnya agak besar terhadap pencapaian para pelajarnya. Pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan jitu. Pendidikan di Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia apabila Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak diperkenalkan di bawah United Nations Development Plan pada tahun 1969 (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012). Penubuhan politeknik ini di bawah seliaan Bahagian Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Sistem pendidikan teknikal hari ini telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan pembangunan sektor industri negara. Transformasi yang dilancarkan berteraskan pemerkasaan politeknik, pembangunan program dalam bidang tujuhan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi serta mempunyai imej dan budaya cemerlang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009). Hala tuju Transformasi Politeknik telah mengukuhkan lagi peranan Politeknik dalam bidang pendidikan dan latihan. Berikut adalah empat teras yang terkandung dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012) :

- 1) Memperkasa Politeknik kearah menjadi pilihan yang setanding dengan Universiti Awam yang lain.
- 2) Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuhan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik.
- 3) Memperkasa warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi.
- 4) Membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Dimensi bidang perguruan dan pendidikan sentiasa berkembang dan berubah sejajar dengan perubahan zaman (Sapie Sabilan *et al.*, 2012). Menurut Sapie Sabilan *et al.*, perkembangan global dengan teknologi telekomunikasi dan internet menuntut banyak cabaran kepada guru untuk mencapai misi nasional. Seharusnya para guru mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran yang datang dengan mempunyai kemahiran pengurusan dan penyusunan. Justeru, guru atau pensyarah selayaknya menjadi golongan yang paling hadapan bagi membentengi cabaran ini. Menurut Ramli Awang *et al.* (2012), seseorang pekerja tidak boleh berasa selesa hanya dengan memiliki satu kemahiran asas sahaja, bahkan perlu mendapatkan kemahiran yang lain. Hal ini kerana kemahiran adalah suatu ilmu yang boleh diusahakan. Lantaran itu, pelbagai lagi kemahiran diperlukan bagi seorang pendidik di antaranya berbahasa, ICT (Information and Communication Technology), komunikasi, mengurus, menulis, merawat dan kemahiran seni (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Manakala kajian Rafizah Mohamed Saleh (2011) pula lebih menjurus kepada kemahiran mengajar. Kemahiran mengajar yang dikaji oleh beliau merangkumi empat kategori dalam bahagian ini iaitu interaksi, menyampaikan isi pelajaran, kaedah mengajar dan mengawal kelas.

Kemahiran ICT adalah salah satu kemahiran yang luas yang terdiri dari semua teknologi yang bertindak dalam penyampaian maklumat. (Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat, 2011). Contohnya radio, televisyen, telefon mudah alih, internet dan computer. Kemahiran computer dalam pengajaran dan pembelajaran berbantuan computer (PPBK) berperanan sebagai tutor atau guru.

Kemahiran intrapersonal dan interpersonal turut dibincangkan oleh Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013) bagi menjadi guru yang professional. Menurut Salhah Abdullah

(2009), kemahiran intrapersonal adalah kebolehan memahami diri sendiri dengan melihat kekuatan dan kelemahan, hasrat dan kehendak serta keupayaan diri yang mempunyai kemahiran yang sama atau berbeza dengan orang lain. Pernyataan ini dipersetujui oleh Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2009) dengan menjelaskan selain membolehkan memahami dirinya sendiri dengan mengetahui keistimewaan dan kelemahan diri.

Kemahiran perlu ada pada semua pensyarah untuk membantu kecemerlangan diri setiap pensyarah. Perkara ini menjadi keutamaan sebagai pendidik agar proses P&P yang direncanakan berada dalam keadaan yang bermutu dan berkesan. Hal ini memerlukan kewujudan seorang pendidik yang cemerlang seperti yang dinyatakan Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013), “guru berkualiti mampu melahirkan insan berkualiti”. Lanjutan dari itu, seorang pendidik harus memberi perkhidmatan bermutu dan kemahiran yang pelbagai secara luas dan mendalam (Saipo Ayub, 2005). Hal ini ditegaskan oleh Abdul Jalil Othman (2007) bahawa keperluan pendidik yang berkualiti amat mustahak dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti. Masalah pendekatan pengajaran telah diketengahkan oleh Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian (2012). Dapatannya mendapati pendidik masih mengekalkan pendekatan tradisional. Perkara ini dilihat apabila pendidik memberikan segala perincian pelajaran kepada pelajar dan pengajaran berpusatkan guru. Lebih memeranjatkan kajian beliau melibatkan guru cemerlang. Akhirnya hal ini menyebabkan pensyarah keletihan dan merasa kurang bertenaga (Azizi Yahaya, 2010).

Selain itu, masalah kemahiran pendidik perlu diperhatikan bagi penambahbaikan dan keperluan menghasilkan pensyarah cemerlang. Proses P&P di dalam kelas banyak melibatkan komunikasi dan pensyarah merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Syed Sofian Syed Salim *et al.* (2011) berpendapat kerjaya pendidik merupakan satu bentuk kerjaya awam yang sungguh mencabar, memerlukan pelbagai kemahiran dan sering kali berubah-ubah. Kemahiran komunikasi dalam kalangan pendidik telah dikenalpasti oleh Nor Shafrin *et al.* (2009). Beliau mendedahkan bahawa terdapat kelemahan pendidik dalam menguasai komunikasi lisan dan bukan lisan secara efektif. Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman (2009) juga menambah bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam mata pelajaran tidak memadai bagi pelajar untuk menerima semua maklumat yang disampaikan. Hal ini kerana aspek bukan lisan membantu pendidik semasa menyampaikan pengajaran. Terdapat tiga persoalan kajian yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu apakah elemen kemahiran mengajar yang perlu ada pada pensyarah cemerlang?, apakah elemen kemahiran ICT yang perlu ada pada pensyarah cemerlang? dan apakah elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang perlu ada pada pensyarah cemerlang?.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti :

1. Elemen kemahiran mengajar yang perlu ada pada pensyarah cemerlang.
2. Elemen kemahiran ICT yang perlu ada pada pensyarah cemerlang.
3. Elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang perlu ada pada pensyarah cemerlang.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini nanti diharapkan dapat membantu pihak pengurusan dan pensyarah politeknik dalam :

1. Menyediakan maklumat penting kepada pensyarah dalam memberikan kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh semua pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.
2. Menyediakan maklumat penting kepada semua pensyarah dalam merangka strategi pengajaran dan pembelajaran.
3. Sebagai panduan yang berguna kepada semua pensyarah dalam menerapkan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pensyarah yang cemerlang.

1.4 LIMITASI DAN SKOP KAJIAN

Limitasi pertama ialah responden dipilih dalam kalangan berpengalaman mengajar lebih lima tahun dan responden terdiri daripada pensyarah Politeknik Merlimau sahaja.

Limitasi ke dua ialah responden yang dipilih merupakan dalam kalangan pensyarah yang menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH44 dan menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik.

Tumpuan kajian ini ialah untuk mengkaji elemen kemahiran yang perlu dimiliki oleh pensyarah bagi melahirkan pensyarah yang cemerlang. Kajian ini adalah terhad kepada maklumbalas responden yang terpilih terhadap pensyarah di Politeknik Merlimau sahaja. Responden kajian ini adalah terdiri daripada sebilangan pensyarah dari jabatan induk yang berbeza dan juga bergred DH44.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Tugas mendidik ialah satu bidang profesional yang penuh dengan cabaran intelek dan sosial. Sebagai seorang profesional, masyarakat mengharapkan para pendidik agar menggunakan cara kerja dan strategi yang terbaik untuk membantu pelajar mempelajari kemahiran dan ilmu serta membentuk sikap atau keperibadian yang diperakui. Sebagaimana yang diketahui umum bahawa corak pendidikan yang terdapat di sekolah rendah, menengah dan di pusat pengajian tinggi adalah berbeza dari segi pendekatan dan matlamatnya.

2.1 PENGAJARAN PENSYARAH

Sebagai seorang guru yang berkesan dalam proses pengajaran perlu menguasai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan anak muridnya (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1983). Terutamanya dalam pembelajaran untuk kerja amali, guru perlu cukup bersedia dan semua aktiviti pembelajaran perlu diatur dengan rapi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak berada dalam keadaan kelim kabut. Menurut Aziz Nordin (1991), seorang pengajar bertanggungjawab dan berkesan perlu mempunyai kebolehan, kemahiran, sentiasa belajar dan sikap yang baik serta selalu mengikuti perkembangan semasa dalam bidang pendidikan supaya dapat menguasai permintaan kurikulum pembelajaran dan mempunyai kepakaran yang bersesuaian dan berkesan.

2.2 PERKEMBANGAN TEKNOLOGI DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

Pembentukan masyarakat berilmu telah mendesak pendidik untuk memberi kaedah pengajaran yang terkini dan terbaik dengan mengambil kira kemajuan teknologi. Menurut Norsaidatul Akmar Mazelan, Harvenie dan Valida (1999), menyatakan bahawa kemasukan Malaysia ke dalam era maklumat akan menyebabkan masyarakat Negara ini kaya dengan limpahan maklumat. Ini bermakna akan berlaku pencapaian yang besar dalam bidang ilmu, sains dan teknologi.

Menurut Mohd Najib (1998), sebagai langkah awal untuk mencapai cita-cita tersebut, kerajaan telah mengorak langkah dengan memperkenalkan konsep Sekolah Bestari secara berperingkat-peringkat. Ini adalah langkah awal kepada masyarakat bagi menghadapi era maklumat (Norsaidatul Akmar *et al.*, 1999). Langkah ini juga secara tidak langsung akan merealisasikan suatu pendekatan perubahan dalam pendidikan.

2.3 KOMUNIKASI INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL

Melalui komunikasi interpersonal kita boleh mendapatkan tindak balas dan reaksi daripada mesej yang disalurkan dapat ditakrifkan dengan segera kerana ianya melibatkan hubungan bersemuka (Deddy, 2005).

Klasifikasi komunikasi intrapersonal seperti diskusi dalaman (monolog), komunikasi vokal secara individu dan komunikasi bertulis secara individu.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk meneliti kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada seseorang pensyarah cemerlang. Oleh itu, dalam bahagian metodologi kajian ini, ianya menghuraikan metodologi dalam pengukuran ke atas fenomena yang menjadi tumpuan kajian ini. Perbincangan dibuat di bawah tajuk-tajuk kecil seperti reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, intrumen kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisis data.

Menurut Ruhiazan Mohammad Yasin (2010), data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data kajian yang dijalankan. Menurutnya lagi, dalam membincangkan reka bentuk kajian, penyelidik juga harus membincangkan pembolehubah-pembolehubah kajian yang terlibat dan bagaimana pembolehubah berkenaan akan diukur, disamping membincangkan populasi dan teknik persampelan yang terlibat.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal varian yang tidak berkaitan dengan penyelidikan. Oleh itu, satu reka bentuk kajian yang kemas diperlukan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih reka bentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat.

3.2 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi dalam kajian ini ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan iaitu pensyarah-pensyarah di Politeknik Merlimau di lima jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu seramai 296 orang pensyarah . Hal ini bertujuan memastikan sampel kajian yang dipilih dapat memberikan maklumat-maklumat yang penting serta berguna sebagai dapatan kajian bagi kajian ini. Selain itu, sampel bagi kajian ini adalah dari kalangan pensyarah yang telah menyandang gred DH44 kerana pensyarah dalam gred ini telah mencapai kriteria kecemerlangan yang diperakui oleh panel penilai kenaikan pangkat iaitu seramai 188 pensyarah. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang perlu dipilih adalah diantara 165 dan 169 responden. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh batasan masa dan kos pelaksanaan kajian, saiz sampel di kurangkan kepada 100 responden.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah iaitu setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Cara ini juga merupakan cara terbaik untuk mendapatkan sampel daripada saiz populasi yang besar. Kelebihan persampelan rawak mudah ialah jika sampel besar maka sampel tersebut akan mewakili populasi. (Noraini Idris, 2010).

SENARAI BILANGAN PENSYARAH DI JABATAN INDUK POLITEKNIK MERLIMAU									
JKA		JKE		JKM		JP		JPH	
DH54	0	DH54	0	DH54	0	DH54	0	DH54	0
DH52	4	DH52	3	DH52	1	DH52	1	DH52	0
DH48	1	DH48	1	DH48	1	DH48	0	DH48	1
DH44	32	DH44	51	DH44	37	DH44	33	DH44	35
DH42	4	DH42	2	DH42	6	DH42	0	DH42	0
DH41	24	DH41	8	DH41	9	DH41	9	DH41	19
DH34	4	DH34	1	DH34	3	DH34	0	DH34	0
DH32	1	DH32	3	DH32	2	DH32	0	DH32	0
DH29	0	DH29	0	DH29	0	DH29	0	DH29	0
TOTAL	70		69		59		43		55

(Sumber : Unit Pentadbiran Politeknik Merlimau)

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Secara keseluruhan, semua proses penyediaan untuk mengumpul data dipanggil instrumen. Instrumen kajian melibatkan pemilihan dan mereka bentuk instrumen dan juga prosedur sewaktu instrument diadbird. Sesuatu instrumen boleh dipercayai jika instrumen berkenaan memberi dapatan yang konsisten setiap kali pengukuran dibuat. Objektiviti instrumen ialah satu elemen yang harus diambil kira. Objektiviti bermakna mempunyai elemen secara subjektif dalam penggunaan instrumen itu.

3.4 TATACARA PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Dalam mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat kajian, beberapa perkara telah dilakukan yang dirasakan penting bagi tujuan ini. Penyelidik perlu memastikan pensyarah yang dipilih sebagai sampel adalah dari kalangan pensyarah yang menyandang gred DH44 dan keatas dimana setiap jabatan induk memiliki pensyarah dari pelbagai gred. Penyelidik harus memastikan bahawa responden yang dipilih perlu sesuai dengan tajuk kajian yang mana keutamaan diberikan kepada pensyarah yang cemerlang sahaja.

Data ini akan diproses dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences for Micosoft Window Release 20.0*). Menurut Zulkarnain dan Hisahmudin Md Som (2010) SPSS akan menjadi pilihan ramai penyelidik memandangkan operasinya yang mudah disamping menyediakan analisis statistik yang bersesuaian dengan keperluan penyelidikan dalam sains sosial.

3.5 MENILAI KEBOLEHPERCAYAAN

Guilford dan Fruchter (1956) dalam Noraini Idris (2010) mencadangkan bahawa indeks kebolehpercayaan dalaman sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika bernilai sekitar 0.7. menurut Pallant (2001) dalam Noraini Idris (2010) pula, nilai indeks aplpha sebanyak 0.7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrument yang mempunyai sepuluh atau lebih item, manakala nilai alpha sebanyak 0.5 pula di anggap baik untuk skala instrument yang mempunyai kurang daripada sepuluh item.

Di dalam kajian ini kebolehpercayaan soal selidik dianalisis mengikut jenis elemen iaitu elemen kemahiran mengajar, elemen kemahiran ICT dan elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Bagi kefahaman tentang elemen kemahiran, nilai Alpha Cronbach adalah 0.616. manakala bagi elemen ICT dan interpersonal serta intrapersonal nilai Alpha Cronbach masing-masing adalah 0.706 dan 0.746. Keseluruhan item adalah mencapai Alpha Cronbach 0.791.

4.0 ANALISIS DATA

Bab ini merangkumi dapatan dan keputusan kajian. Data diperolehi melalui kaedah pengedaran borang soal selidik dan telah di analisa menggunakan program '*Statistical Package for the Social Science (SPSS) 2.0.*'

Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang merangkumi maklumat tentang latar belakang responden atau demografi dan bahagian B yang merangkumi analisis dapatan kajian.

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji kepada pensyarah di jabatan induk yang juga merupakan responden kajian. Boring soal selidik ini telah diedarkan dan diedarkan dan diterima semula oleh pengkaji bagi tujuan menganalisa data untuk tujuan kajian. Namun begitu, hanya 97 borang soal selidik yang telah dikembalikan.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Menerangkan latar belakang responden, menerangkan tahap kekerapan dan peratus responden berdasarkan jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan juga jabatan. Kaedah peratusan digunakan untuk menganalisis item soalan.

Jantina	Responden	Peratus (%)
Lelaki	31	32%
Perempuan	66	68%
Jumlah	97	100
Kelayakan Akademik		
Sarjana Muda	75	77.3%
Sarjana	22	22.7%
Jumlah	97	100%
Pengalaman Mengajar		
6 hingga 10 tahun	65	67%

11 tahun hingga 15 tahun	32	33%
Jumlah	97	100%
Pengalaman Mengajar		
Jabatan Perdagangan	26	26.8%
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti	20	20.6%
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	20	20.6%
Jabatan Kejuruteraan Awam	14	14.4%
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	17	17.5%
Jumlah	97	100%

Jadual 4.1 : Taburan latar belakang responden.

Berdasarkan jadual 4.1 kajian ini, didapati bahawa seramai 32% adalah dari kalangan pensyarah lelaki dan 68% adalah dari kalangan pensyarah perempuan. Adalah diakui nisbah pensyarah perempuan di Politeknik Merlimau adalah melebihi pensyarah lelaki dan kebanyakan borang selidik dijawab oleh pensyarah perempuan.

Didapati pensyarah yang memiliki kelayakan akademik peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak 77.3% dan pensyarah yang memiliki kelayakan akademik peringkat Ijazah Sarjana adalah sebanyak 22.7%. Tiada syarat dikenakan untuk memilih responden mengikut kelayakan akademik kerana kenaikan pangkat mereka tidak bergantung kepada kelayakan akademik.

Bilangan pensyarah yang mempunyai pengalaman 6 hingga 10 tahun adalah sebanyak 67% dan 11 hingga 15 tahun adalah sebanyak 33%. Politeknik Merlimau mula beroperasi pada tahun 2002 sudah menghampiri 13 tahun dan kebanyakan pensyarah yang berkhidmat di sini merupakan pensyarah baru dan tidak mempunyai pengalaman yang lama.

Bilangan pensyarah yang menjadi responden adalah dari Jabatan Perdagangan iaitu sebanyak 26.8%. Manakala JPH dan JKE sebanyak 20.6%, JKA sebanyak 14.4% dan JKM sebanyak 17.5%. Responden ramai dari kalangan Jabatan Perdagangan disebabkan pengkaji berkhidmat di jabatan yang sama dan memudahkan untuk mengenalpasti responden yang bergred DH44 dan pengkaji mudah untuk memungut kembali borang soal selidik yang telah diedarkan.

4.2 ANALISIS DAPATAN KAJIAN BAHAGIAN B

Dalam bahagian B sebanyak 19 soalan telah dikemukakan kepada responden untuk mendapat maklum balas berkaitan elemen-elemen kemahiran yang perlu ada pada pensyarah cemerlang. Sebanyak enam soalan telah diberikan bagi elemen pertama iaitu kemahiran mengajar, enam soalan juga untuk elemen kemahiran ICT dan tujuh soalan untuk elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Analisa data dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam bab 1.

4.2.1 Analisis Elemen Kemahiran Mengajar.

Di dalam bahagian ini mengandungi enam soalan yang berkaitan dengan elemen kemahiran mengajar. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut:

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Mengamalkan konsep bercerita dalam sesi P&P		15	7	58	17	3.79	SEDERHANA
		-	15.5%	7.2%	59.8%	17.5%		
2.	Boleh mengajar dalam intonasi seperti berpidato.		29	26	42		3.13	SEDERHANA
		-	29.9%	26.8%	43.3%	-		
3.	Boleh menerangkan pengajaran saya dengan baik.				90	7	4.07	TINGGI
		-	-	-	92.8%	7.2%		
4.	Suka mengaitkan isu-isu semasa dalam P&P.			12	63	22	4.10	TINGGI
		-	-	12.4%	64.9%	22.7%		
5.	Menggunakan pendekatan teknik penyelesaian masalah di dalam kelas bagi menguji pelajar aspek berfikir, pengurusan dan kerja berkumpulan.			13	71	13	4.00	TINGGI
		-	-	13.4%	73.2%	13.4%		
6.	Sering menyoal pelajar-pelajar untuk melihat kefahaman mereka.				55	42	4.43	TINGGI
		-	-	-	56.7%	43.3%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan			7.6	10	65	17.4	3.92	TINGGI

Jadual 4.2 : Analisis Elemen Kemahiran Mengajar

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, SS = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.2 di atas menunjukkan analisis bagi elemen kemahiran mengajar, min skor bagi setiap item soalan 3 hingga 6 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 4.00 hingga 4.43 manakala min skor bagi item soalan 1 hingga 2 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 3.13 hingga 3.79. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 6 iaitu pada nilai 4.43 dan 100% responden sering menyoal pelajar-pelajar untuk melihat kefahaman mereka. Ini menunjukkan bahawa pensyarah menerapkan elemen kemahiran menyoal kepada pelajar agar setiap P&P yang berlangsung mencapai objektif yang ditetapkan oleh pensyarah itu sendiri.

Skor min keseluruhan untuk elemen kemahiran mengajar ini adalah pada nilai 3.92 iaitu dikatakan masih berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen kemahiran mengajar merupakan elemen yang penting dan perlu ada pada setiap pensyarah di Politeknik untuk menjadikan mereka pensyarah yang cemerlang.

4.2.2 Analisis Elemen Kemahiran ICT.

Di dalam bahagian ini mengandungi enam soalan yang berkaitan dengan elemen kemahiran ICT. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut :

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Mahir dalam carian internet untuk kegunaan P&P.				60	37	4.38	TINGGI
		-	-	-	61.9%	38.1%		
2.	Mahir dalam penggunaan jaringan sosial. (cth : blog,email dsb.)		7	18	45	27	3.95	TINGGI
		-	7.2%	18.6%	46.4%	27.8%		
3.	Mahir dalam pembuatan video P&P.	6	32	30	22	7	2.92	SEDERHANA
		6.2%	33.0%	30.9%	22.7%	7.2%		

4.	Mahir dalam penggunaan CD untuk tujuan P&P.	-	6	5	74	12	3.95	TINGGI
		-	6.2%	5.2%	76.3%	12.4%		
5.	Mahir dalam penggunaan telefon pintar untuk tujuan P&P	6	7	12	71	1	3.56	SEDERHANA
		6.2%	7.2%	12.4%	73.2%	1.0%		
6.	Mahir dalam penggunaan LCD	-	-	5	67	25	4.21	TINGGI
		-	-	5.2%	69.1%	25.8%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan		2.1	8.9	12.1	58.2	18.7	3.83	TINGGI

Jadual 4.3: Analisis Elemen Kemahiran ICT

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, SS = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.3 di atas menunjukkan analisis bagi elemen kemahiran ICT, min skor bagi setiap item soalan 1, 2, 4 dan 6 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.95 hingga 4.38 manakala min skor bagi item soalan 3 dan 5 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 2.92 hingga 3.56. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 1 iaitu pada nilai 4.38 dan 100% responden mahir dalam carian internet untuk kegunaan P&P. Ini menunjukkan bahawa pensyarah menjadikan kemahiran dalam carian internet sebagai satu kemahiran yang berguna untuk kegunaan aktiviti P&P.

Skor min keseluruhan untuk elemen kemahiran ICT ini adalah pada nilai 3.83 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen kemahiran ICT merupakan elemen yang penting dan perlu dimiliki oleh setiap pensyarah di Politeknik untuk menjadikan mereka pensyarah yang cemerlang disamping menerapkan kaedah P&P terkini seiring dengan perubahan teknologi yang semakin pesat .

4.2.3 Analisis Elemen Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal.

Di dalam bahagian ini mengandungi tujuh soalan yang berkaitan dengan elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut :

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATURAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Memahami minat pelajar.	-	-	26	71	-	3.73	SEDERHANA
		-	-	26.8%	73.2%	-		
2.	Mengetahui kelemahan pelajar	-	-	20	76	1	3.80	SEDERHANA
		-	-	20.6%	78.4%	1.0%		
3.	Mengetahui kebolehan diri sendiri..	-	-	27	57	13	3.86	TINGGI
		-	-	27.8%	58.8%	13.4%		
4.	Mengetahui cara memajukan diri sendiri.	-	-	21	63	13	3.92	TINGGI
		-	-	21.6%	64.9%	13.4%		
5.	Mampu memotivasikan diri sendiri	-	-	13	77	7	3.94	TINGGI
		-	-	13.4%	79.4%	7.2%		
6.	Mengetahui potensi dalam diri sendiri.	-	8	39	50	-	3.43	SEDERHANA
		-	8.2%	40.2%	51.5%	-		

7.	Mengetahui kelemahan diri sendiri.			12	78	7	3.95	TINGGI
		-	-	12.4%	80.4%	7.2%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan			1.2	23.3	69.5	6.0	3.81	TINGGI

Jadual 4.4 : Analisis Elemen Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, SS = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan analisis bagi elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal, min skor bagi setiap item soalan 3, 4, 5 dan 7 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.86 hingga 3.95 manakala min skor bagi item soalan 1, 2 dan 6 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 3.43 hingga 3.73. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 7 iaitu pada nilai 3.95 dan 87.6% responden mahir mengetahui kelemahan diri sendiri. Ini menunjukkan bahawa pensyarah menjadikan kemahiran ini untuk meningkatkan segala kelemahan yang mereka ada agar lebih cemerlang pada masa akan datang.

Skor min keseluruhan untuk elemen kemahiran ICT ini adalah pada nilai 3.81 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen kemahiran interpersonal dan intrapersonal merupakan elemen kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap pensyarah di Politeknik untuk menjadikan mereka pensyarah yang memahami pelajar mereka dan juga memahami diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan usaha dari masa ke semasa untuk menjadi pensyarah yang cemerlang.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Bahagian ini adalah terdiri daripada rumusan, perbincangan dan cadangan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi dalam bab 4 akan dibincangkan dalam bab ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan dalam bab 1. Akhirnya, cadangan dikemukakan untuk tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang.

5.1 PERBINCANGAN

Kajian ini adalah berdasarkan kepada hasil daripada kajian dan keputusan analisis data yang telah dijalankan. Kajian ini memberikan tumpuan ke atas tiga (3) persoalan kajian iaitu kemahiran mengajar yang perlu ada pada pensyarah cemerlang, apakah kemahiran ICT yang perlu ada pada pensyarah cemerlang dan kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang perlu ada pada pensyarah cemerlang. Kesimpulan kajian yang diperolehi ini menunjukkan secara keseluruhannya elemen kemahiran yang perlu dimiliki oleh pensyarah cemerlang adalah tinggi terutama kepada tiga (3) persoalan kajian yang dibentuk ini.

5.1.1 Apakah Elemen Kemahiran Mengajar Yang Perlu Ada Pada Pensyarah Cemerlang.?

Dalam membincangkan elemen kemahiran yang diperlukan oleh seorang pensyarah cemerlang di politeknik terbahagi kepada beberapa jenis. Kemahiran pertama adalah kemahiran mengajar. Berdasarkan kepada jadual 4.2, elemen kemahiran mengajar yang menjadi pilihan pensyarah ialah boleh menerangkan pengajaran dengan baik, pensyarah sentiasa mengaitkan P&P dengan isu semasa, menggunakan teknik penyelesaian masalah di dalam kelas bagi menguji pelajar aspek berfikir, pengurusan dan kerja berkumpulan dan sering menyoal pelajar untuk melihat kefahaman mereka dalam P&P dimana skor min untuk kesemua elemen ini berada di tahap yang tinggi.

Kenyataan ini disokong oleh Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) yang mengatakan sebagai seorang guru yang berkesan dalam proses pengajaran perlu menguasai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan anak muridnya. Terutamanya dalam pembelajaran untuk kerja amali, guru perlu cukup bersedia dan semua aktiviti pembelajaran perlu diatur dengan rapi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak berada dalam keadaan kelim kabut.

5.1.2 Apakah Elemen Kemahiran ICT Yang Perlu Ada Pada Pensyarah Cemerlang.?

Kemahiran kedua yang diamalkan oleh Pensyarah Politeknik Merlimau ialah kemahiran ICT. Dunia teknologi menyebabkan penciptaan alat komunikasi banyak membantu tugas para pensyarah. Seharusnya perubahan kepada wujudnya alatan canggih ini boleh meringankan beban tugas mereka. Maka, tidak terkecuali kepada pensyarah yang cemerlang di Politeknik Merlimau merupakan individu yang tidak ketinggalan dalam mengikut arus semasa. Kebolehan pensyarah dalam carian internet, mahir dalam penggunaan jaringan sosial, mahir dalam penggunaan CD dalam P&P, dan mahir dalam penggunaan LCD dan aktiviti P&P.

Berdasarkan kepada jadual 4.3, kesemua elemen yang disebutkan di atas berada pada tahap skor min yang tinggi dan pensyarah cemerlang sememangnya selalu mengamalkan gaya P&P seiring dengan arus teknologi semasa. Perkara ini disokong oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2012) yang mengatakan bahawa penggunaan internet dalam P&P boleh member kesan yang positif kepada para pelajar dan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.

5.1.3 Apakah Elemen Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal Yang Perlu Ada Pada Pensyarah Cemerlang.?

Tanggungjawab yang semakin bertambah memerlukan pensyarah memiliki tambahan kepada beberapa kemahiran. Kemahiran yang dimaksudkan adalah kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Aspek interpersonal yang dimiliki oleh pensyarah cemerlang berdasarkan jadual 4.4 ialah memahami minat pelajar dan mengetahui kelemahan pelajar namun kedua-dua elemen ini mendapat skor min yang sederhana yang membawa maksud pensyarah kurang berkemahiran dalam memahami minat dan kelemahan pelajar. Pendidik yang berkesan dalam hubungan interpersonal adalah merujuk kepada pendidik yang dapat membina hubungan dengan pelajar, di mana terbentuknya perasaan dekat, selamat dan boleh dipercayai. Pendidik itu juga memberi bantuan instrumental, merangsang nilai-nilai kemasyarakatan dan kasih sayang dalam kelas yang menjadikan hubungan berkualiti serta mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih Berjaya dalam akademik dan hubungan sosial (Wentzel, 2012).

Selain itu, aspek intrapersonal juga menjadikan pensyarah seorang pensyarah yang cemerlang. Kemahiran ini meliputi aspek mengetahui kebolehan diri sendiri, mengetahui cara memajukan diri sendiri, mampu memotivasikan diri sendiri dan mengetahui kelemahan diri sendiri di mana kesemua elemen ini mencapai skor min yang tinggi. Bertepatan dengan pernyataan Abhijit Bhaduri (2012) mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai kemahiran intrapersonal yang tinggi adalah seorang yang yakin, tidak mudah berputus asa dan berubah mood, mudah bangun dari kegagalan, mengikut peraturan, tetap pendirian, mudah diselia, mengikut rutin, berdisiplin dan dapat mengawal sikap.

5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

- i) Kajian lanjutan ke atas sampel yang lebih besar melibatkan kesemua Politeknik yang ada di Malaysia.

- ii) Kajian lanjutan ke atas elemen kemahiran yang lain seperti kemahiran kecerdasan emosi, elemen kemahiran pengurusan tempat kerja dan sebagainya.

5.4 RUMUSAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan elemen penggunaan kemahiran oleh pensyarah cemerlang di Politeknik Merlimau. Hasil dapatan kajian berjaya mengenalpasti beberapa elemen kemahiran yang dimiliki oleh pensyarah cemerlang di Politeknik Merlimau. Justeru, pensyarah perlu mengambil perhatian agar P&P mereka dapat diaplikasikan kemahiran-kemahiran yang sesuai agar dapat melahirkan kefahaman yang tinggi oleh pelajar seterusnya menghayati serta diamalkan ilmu yang mereka perolehi. Kemahiran yang telah dinyatakan di dalam bab perbincangan juga boleh digunakan oleh semua pensyarah untuk menjadi pensyarah cemerlang untuk menjadikan politeknik tempat melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi pasaran kerja.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman. (2007). Quality Teachers For Today and Tomorrow. *Jurnal Masalah Pendidikan*, Jld 30(2), 2007 169-173.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2009). *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abhijit Baduri. (2012). *Don't Hire the Best : An Essential Guide to Picking the Right Team*. India : Harper Collins Publishers.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli dan Mazeni Ismail. (2010). Stress dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 103-136, 2010.
- Irfan Naufal Umar & Nurullizam Jamiat. (2011). *Pola Penyelidikan Guru di Malaysia : Analisis Prosiding Teknologi Pendidikan Malaysia*. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 26, No. 1, 1-14, 2011.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2009). *Hala Tuju Transformasi Politeknik ke arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara*. Seri Kembangan : Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2012). *Informasi Politeknik Edisi September 2012*. Putrajaya : Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia : Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies 11*, 2010.
- Mohamad Najib. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2013). *Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM)*. *Jurnal Teknologi*, Jil. 60, 31-37, 2013.
- Rafizah Mohamed Salleh. (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haron. (2012). *Kemahiran Generik Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). *Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah : Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68, 2012.
- Saipo Ayub. (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam*, 2005.
- Salhah Abdullah. (2009). *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamad Lip & Mohd Shahril, Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi. (2012). *Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. *Proceeding of International Conference On Research In Islamic and Arabic Languages Education 2012 (ICRIALE 2012)*. 01-02 june 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia. 419-432.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohamammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa dan Rohany Nasir. (2011). Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesion Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.
- Wentzel, K.R. (2012). *Teacher-students Relationships and Adolescent Competence at School*. Dalam Wubbels, T., Den Brok, P., Van Tartjwijk, J., & Levy, J. (Peny.). *Interpersonal Relationship in Education : An Overview of Contemporary Research*. The Netherlands : Sense Publishers.
- Zulkarnain dan Hisahmudin Md Som (2011), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.